

### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 3**

Penempatan Jawatan: PUSAT TVET TERMAJU, UMPSA PEKAN

#### **PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41/42/ DV43/44/ DV47/48/ DV51/52**

#### **SYARAT KELAYAKAN KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41**

- i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang teknologi kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41: RM2,322.00); atau

- ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41:RM2,529.00).

#### **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (i), (ii), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

- 1) Electrical
- 2) Mechanical
- 3) Mechatronic

#### **Klasifikasi Bidang:**

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang :

1. Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan) / Kejuruteraan Mekanikal.
2. Teknologi Kejuruteraan Mekatronik atau Automasi / Kejuruteraan Mekatronik atau Automasi
3. Teknologi Kejuruteraan Elekrik (Kuasa) / Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)

1. Mempunyai tahap pengalaman minimum dua (2) tahun di **industri dalam bidang kejuruteraan berkaitan**.
2. Mempunyai kemahiran **mengendalikan peralatan dan kemampuan mengajar** bidang kejuruteraan berkaitan.

3. Mempunyai sijil kompetensi / profesional yang berkaitan
4. Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik
5. Boleh bekerja secara berpasukan
6. Proaktif

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

### **JABATAN PENDAFTAR**

**CANSELERI TUN ABDUL RAZAK**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

**26600 PEKAN**

**PAHANG DARUL MAKMUR**

**(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **PERMOHONAN ATAS TALIAN**

**TARIKH BUKA** : 15/03/2022

**TARIKH TUTUP** : 29/03/2022